

Kertas Bil. 93/2015




**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR MENTAH SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW
WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR–
JKP-SAM) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
“PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUANTITI): PERSEDIAAN
BEKALAN AIR UNTUK MUSIM KERING DAN MASA DEPAN.”**

KERTAS BILANGAN 38/2015

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAI KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS - 20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan
38	PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUANTITI); PERSEDIAAN BEKALAN AIR UNTUK MUSIM KERING DAN MASA DEPAN.”	<p>10.1. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan kebenaran merancang, permit serta pengambilan tanah yang diperlukan untuk membina Langat 2 boleh disegerakan.</p>	√		<p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 25/2015 yang bersidang pada 05 Ogos 2015 dan telah disahkan oleh MMKN ke 26/2015 pada 12 Ogos 2015 telah meluluskan permohonan pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 yang melibatkan kelulusan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Permohonan pelan pengambilan balik tanah b) Kelulusan kebenaran merancang dan infrastruktur dan pelan bangunan c) Permohonan pelan bangunan d) Permohonan permitt kerja e) Permohonan permitt penggunaan tanah f) Apa-apa permit yang diperlukan dari semua jabatan/agensi teknikal <p>Dengan adanya kelulusan secara dasar daripada pihak Kerajaan Negeri, semua permohonan kelulusan dapat diproses dengan lancar selagi mana manglikut tatacara/prosedur yang telah ditetapkan.</p> <p>Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi saranan ini.</p>
		<p>10.2. Projek Langat 2 hendaklah disiapkan secepat mungkin. Jawatankuasa menggesa Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebagai pemilik projek Langat 2 boleh membuat rancangan baru supaya Langat 2 Fasa 1 sekurang-kurangnya mula beroperasi sebagaimanya pada tahun 2017.</p>	√		


 1 | MUHAMAD SYUHAIMI BIN ZAIDI
Y.B TUAN HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tanah
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan '


MAKLUM BALAS PENYATA JAWATAN KUASA PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan
	10.3. Jawatankuasa menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor menetapkan piawaian (KPI) untuk mengurangkan Non-Revenue Water (NRW) secara signifikan - sekurang-kurangnya 2% setiap tahun.	✓			<p>Perancangan kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengurangkan kadar NRW adalah selari dengan perancangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang mensasarkan penurunan kepada 25% menjelang tahun 2020. Pada masa ini, pencapaian NRW di Negeri Selangor adalah pada kadar 35%. Ini bermakna Kerajaan Negeri melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) perlu berusaha untuk memastikan penurunan kadar NRW sekurang-kurangnya 2% setahun dapat dicapai.</p>
	10.4. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk melipat-gandakan usaha kempen penijmatan air (<i>demand management</i>). Tindakan yang jauh lebih agresif dan efektif amat diperlukan untuk menangani masalah kekurangan air terawat dalam jangka masa pendek. Jawatankuasa berpendapat untuk melantik seorang ahli MMKN untuk mengetuai kempen ini.		✓		<p>Pelaksanaan kempen jimat air sedang diselaraskan semula melibatkan semua agensi kerajaan termasuk bersama pihak YB Pengurus Stando Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas dari agensi termasuk Air Selangor berkenaan kaedah kempen yang lebih berkesan.</p>


YB HAJI ZAINI BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengurus Jawatan Basa Terap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan '

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI
SELANGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGAGAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS - 20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan
	10.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya harga kadar penggunaan berperingkat (<i>tier-pricing</i>) yang lebih efektif dikenakan untuk mengubah tabiat pengguna supaya mengurangkan penggunaan air di Negeri Selangor.	✓			Kadar penggunaan berperingkat (<i>tier-pricing</i>) dalam tarif air telah pun digunakan bagi penggunaan domestik seperti berikut: i. Sehingga 20m ³ - RM 0.57 ii. 20 - 35 m ³ - RM 1.03 iii. 35 m ³ dan ke atas - RM 2.00 Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menetapkan harga yang lebih tinggi bagi penggunaan air yang melebihi 20m ³ sebagai penalti kepada pengguna yang menggunakan air yang berlebihan sehingga menyebabkan pembaziran.
	10.6. Jawatankuasa mencadangkan supaya kerajaan Negeri meningkatkan usaha untuk menguasakan aktiviti-aktiviti haram yang menggunakan air yang tinggi seperti pemergaan cuci kereta haram.		✓		Pemantauan dan penguatan kuasaan secara berterusan sedang dilaksanakan dengan bantuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam masa yang sama, sebarang aduan yang diterima daripada penduduk mahupun pihak SYABAS turut disalurkan kepada pihak PBT untuk diambil tindakan sewajarnya.


YB TUAH HAJI ZAYDI BIN ABDUL TALIB
Abdi Muliis Negarakuat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
3 Pengurus Jawahtakuasâ Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tan
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI
SELANGGOR (JPK-SAM) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENG GAL
KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS - 20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada) / Tindakan
	10.7. Jawatankuasa mencadangkan diberikan kepada premis-premis yang menakung air hujan (<i>rain water harvesting</i>) dan peralatan yang menjimatkan penggunaan air (<i>water efficient</i>).		√		<p>Dasar penggunaan sistem menakung air hujan (<i>rain water harvesting</i>) dan peralatan yang menjimatkan penggunaan air (<i>water efficient</i>) sudah lama diperkenalkan di Negeri Selangor namun pemakaian terhadap dasar tersebut tidak digunakan secara meluas. Lanya bergantung kepada kesediaan pihak PBT untuk menguatkuasakan dasar tersebut. Terdapat PBT yang telah mengenakan syarat di dalam kelulusan Kebenaran Merancang untuk menggunakan rain water harvesting. Contohnya Majlis Perbandaran Kajang (MPK) yang telah menguatkuasakan dasar bermula tahun 2012 bagi projek pembangunan baru. Bagi Majlis Perbandaran Sepang (MPPS) pula, rebat cukai taksiran diberi kepada kepada permis yang menggunakan konsep teknologi hijau.</p>
	10.8. Untuk memberikan teladan yang baik, Jawatankuasa menggesa semua PBT dan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri hendaklah mengguna pakai sistem ini.		√		<p>Kerajaan Negeri akan mengkaji dan mencari kaedah yang sesuai untuk menggalakkan semua PBT dan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri untuk menggunakan rain water harvesting dan peralatan yang menjimatkan penggunaan air.</p>